

PERANAN UNDANG-UNDANG KECIL DALAM MEMBENTUK KEPERIBADIAN MASYARAKAT

Suzei Mat Nurudin
suzei78@yahoo.com

Nor Suhaiza Md Khalid
suhaizakhalid@yahoo.com

Zarina Mohd Zain
mohdzain_zarina@yahoo.com.my
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

ABSTRAK

Kerajaan tempatan adalah kerajaan yang paling dekat dengan masyarakat setempat selepas kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Setiap kerajaan tempatan mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang kecil di bawah pentadbiran masing-masing. Undang-undang kecil merupakan penggubalan undang-undang dibawah peruntukan bidang kuasa kerajaan tempatan dalam melaksanakan tugas dan fungsi meliputi kawasan pentadbiran yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Sesetengah undang-undang kecil berperanan dalam membentuk keperibadian masyarakat terutamanya di kawasan kerajaan tempatan yang agak berbeza kandungannya seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu-bandaraya islam (MPKB-BRI) yang inisiatifnya sangat berlainan dengan pelaksanaan undang-undang kecil kerajaan tempatan di negeri-negeri lain di Malaysia sepertimana dengan pelaksanaan peruntukan undang-undang kecil yang menyarankan penutupan aurat dan pakaian sopan dikalangan peniaga dan premis perniagaan . Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejauhmana undang-undang kecil yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu dapat mempengaruhi dan membentuk keperibadian masyarakat tempatan di daerah Kota Bharu, Kelantan.

Kata kunci: *Kerajaan tempatan, undang-undang kecil, MPKB-BRI*

PENGENALAN

Kerajaan tempatan berada di kedudukan ke tiga selepas kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Walaupun kewujudannya agak kecil berbanding dengan kerajaan di atasnya tetapi kerajaan tempatan memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan masyarakat setempat. Ini adalah kerana kerajaan tempatan berada paling dekat dengan masyarakat setempat dan menyediakan perkhidmatan yang memberi impak kepada rakyat setempat.

Menurut pandangan tokoh barat Malcom W. Norris seperti yang dinyatakan di dalam penulisan Phang Siew Nooi (1989) yang menakrifkan kerajaan tempatan dalam konteks Semenanjung Malaysia bermaksud kerajaan di kawasan-kawasan bandar, luar bandar atau gabungan kedua-dua kawasan ini di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi.

Pada awal kewujudan, kerajaan tempatan diaplikasikan dengan mengambil pendekatan pemerintahan kerajaan British. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, peranan Kerajaan Tempatan disusun semula menurut konsep federalisme (Azhar & Raihanah, 2010). Berdasarkan sistem federalisme ini, kerajaan tempatan tidak lagi berdaulat (infra sovereign) yang bermekna kewujudannya adalah berdasarkan akta dan boleh digabungkan atau dimansuhkan mengikut keperluan. Fungsi kerajaan tempatan juga dihadkan kepada yang prinsip-prinsip *ultra vires* yang telah digariskan didalam akta kerajaan tempatan 17.

Mengikut sistem federalisme ini, Kerajaan Tempatan diletakkan sebagai kerajaan ke tiga yang bermula dengan kerajaan pusat, dan di ikuti dengan kerajaan negeri. Malahan, kerajaan tempatan berada dibawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan pusat dan kerajaan negeri mempunyai kawalan tersendiri di atas kerajaan tempatan dalam memastikan kelancaran pentadbiran kepada masyarakat setempat.

MPKB-BRI

Sebagai permulaan, bandar Kota Bharu telah ditubuhkan pada tahun 1844 dan diisytiharkan sebagai pusat pemerintahan Negeri Kelantan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Al-Marhum Sultan Muhammad Ke-II. Pada tahun 1936, bandar Kota Bharu dinaik tarafkan sebagai Majlis Bandaran Kota Bharu (MBKB). MBKB telah dimansuhkan dan ditukarkan kepada Lembaga Bandaran pada tahun 1971. Manakala pada tahun 1978 Lembaga Bandaran Kota Bharu disusun semula dan dinaik tarafkan

kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu pada tahun, dan kemudiannya pada 20 Februari 2005 Majlis ini diberikan nama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) (mpkbbri.gov.my).

Almarhum Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada masa itu menjelaskan tujuan utama kerajaan negeri Kelantan mengisytiharkan MPKB sebagai Bandar Raya Islam adalah sebagai satu cara untuk merealisasikan Islam secara menyeluruh, dalam aspek perbandaran, kemasyarakatan, budaya hidup dan sebagainya (Azhar & Raihanah, 2010). Sehingga kini MPKB terus dikenali sebagai bandaraya islam (BRI) dan juga gelaran negeri serambi mekah bagi negeri Kelantan. Bersesuaian dengan namanya, MPKB-BRI mengambil pendekatan islamik dalam melaksanakan undang-undang kecil dikawasan pentadbiran untuk menerapkan dan memperkasakan gaya hidup islam di kalangan masyarakat setempat terutamanya kepada penduduk yang beragama islam.

UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil atau '*By-Laws*' dalam bahasa Inggeris adalah perundangan subsidiari kepada undang-undang ibu. Ia digubal oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Perundangan subsidiari ini dikenali juga dengan nama Perintah, Kaedah, Peraturan dan sebagainya (mpkbbri.gov.my).

Undang-undang kecil merupakan bidang kuasa yang diberikan kepada kerajaan tempatan tertakluk dibawah akta kerajaan tempatan 171. Ini bermakna, kerajaan tempatan mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang kecil yang bersesuaian untuk memastikan kelancaran pentadbiran yang telah ditetapkan.

UNDANG-UNDANG KECIL MPKB-BRI

Undang-undang kecil yang diperkenalkan oleh MPKB-BRI mempunyai sedikit kelainan dengan undang-undang kecil kerajaan tempatan di negeri-negeri lain di semenanjung Malaysia . Ini adalah kerana undang-undang kecil MPKB-BRI diperkenalkan dengan menyerapkan nilai-nilai islam di dalam perlaksanaannya yang bertujuan untuk memastikan masyarakat setempat mengamalkan ajaran islam di dalam kehidupan seharian mereka

Di antara undang-undang kecil MPKB-BRI adalah seperti berikut:

- i) Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002 di bawah seksyen 27A yang berkuatkuasa pada 3 Januari 2002
- ii) Undang-Undang Kecil Pengawasan dan Penyeliaan Establishmen Makanan MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 4A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003
- iii) Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 13A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003
- iv) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 3B yang berkuatkuasa pada 25 September 2003
- v) Undang-Undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 24A yang berkuatkuasa pada 25 Spetember 2003
- vi) Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Pensendirian 1987 (Pindaan) 2004 MPKB di bawah seksyen 9A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004
(Sumber: mpkbbri.gov.my)

Dengan pewartaan undang-undang kecil di atas, MPKB-BRI telah mewajibkan para peniaga yang beragama islam supaya memakai pakaian menutup aurat dan bagi yang tidak beragama islam, supaya berpakaian yang sopan dan bersesuaian. Ianya menjadi syarat utama kelulusan lesen perniagaan dan untuk menyambung lesen bagi tahun mendatang, malah pegawai penguatkuasaan MPKB-BRI akan sentiasa menjalankan rondaan untuk memastikan para peniaga mematuhi undang-undang kecil berkenaan.

Walaupun undang-undang kecil di atas adalah lebih menjurus kepada para peniaga tetapi pada masa yang sama, ia turut merangkumi pelanggan yang berurusan seperti pelanggan di kedai gunting rambut yang hanya boleh memasuki premis yg bersesuaian sahaja. Ia adalah kerana adalah menjadi larangan pemotongan rambut oleh berlainan jantina di daerah Kota Bharu.

PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG KECIL

Larangan salon unisex

Menurut laporan akhbar The Star (2012), bermula pada tahun 1991, MPKB-BRI memperkenalkan undang-undang kecil yang melarang kewujudan salon unisex untuk kedai gunting rambut di Kawasan Kota Bharu. Mengikut akta ini, para pemilik salon perempuan adalah dilarang untuk memotong rambut pelanggan lelaki dan begitu juga sebaliknya. Menurut Datuk Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan

Tempatan, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri, pelaksanaan undang-undang kecil ini adalah selaras dengan polisi islamik yang dilancarkan oleh kerajaan PAS 10 tahun lepas.

Undang-undang kecil ini telah mula diperkenalkan bermula pada tahun 1991 apabila semua kerajaan tempatan di Kelantan telah membekukan pengeluaran lesen dan permit kepada salon unisex di seluruh negeri terutamanya untuk daerah Kota Bharu.

- i) Penguatkuasaan pakaian menutup aurat dikalangan masyarakat islam dan berpakaian sopan untuk masyarakat bukan islam

MPKB-BRI telah memperkenalkan undang-undang kecil dimana rakyat beragama Islam di negeri Kelantan yang berpakaian tidak menutup aurat boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara enam bulan. Ini adalah selari dengan Seksyen 5(1) Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

Mengikut enakmen berkenaan, memakai seluar pendek paras atas lutut dan perempuan yang berseluar serta berbaju ketat, berlengan pendek, tidak bertudung, adalah menjadi kesalahan dalam adab berpakaian. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut hanya terpakai kepada orang Islam sahaja, manakala untuk orang bukan islam perlu berpakaian sopan dan tidak terlalu menjolok mata.

Menurut laporan Utusan Malaysia, pada 25 September 2017, seorang pemuda diberi notis arahan menghadiri sesi kaunseling kerana memakai seluar pendek di tempat terbuka. Lelaki berkenaan ditahan ketika dalam perjalanan ke gelanggang futsal untuk bermain futsal Bersama rakan-rakan. Tindakan yang di ambil adalah dengan mengarahkan lelaki berkenaan untuk hadir ke sesi kaunseling untuk kes tersebut pada minggu hadapannya bersama 10 lagi individu, termasuk empat perempuan yang didapati melakukan kesalahan berpakaian tidak sopan di khalayak ramai.

Larangan tersebut bukan bertujuan untuk terus menghukum pelaku, tetapi sebaliknya hanya ingin memberi kesedaran dan peringatan supaya mereka lebih bersopan dalam adab berpakaian. Ianya juga secara tidak langsung akan memberi peringatan kepada masyarakat setempat.

- ii) Larangan iklan yang tidak menutup aurat

Seorang peniaga jam tangan di sebuah pusat beli-belah di Kota Bharu, Kelantan yang memaparkan dua keping iklan beserta wanita berpakaian seksi di premisnya wanita dikenakan kompaun berjumlah rm150.00. Menurut laporan dari laman web rasmi

MPKB-BRI, saman dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) kerana melanggar Seskyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bermula dari tahun 1992, setiap penguasaha premis perniagaan di Kelantan dikenakan syarat berpakaian menutup aurat sebagai peraturan kelulusan lesen pihak berkuasa tempatan. Peraturan terbabit antara lain menyebut semua pemegang lesen premis serta pekerja Islam hendaklah berpakaian menutup aurat manakala bagi orang bukan Islam mestilah berpakaian sopan yang tidak menjolok mata.

Menurut peniaga berkenaan, ini bukanlah kali pertama beliau mendapat kompaun, sebaliknya sudah menerima kira-kira 10 saman sejak memulakan perniagaan tersebut dari tahun 1990. Kesan dari kompaun tersebut, beliau hanya boleh memohon lesen perniagaan bagi premis baru selepas membayar semua denda berjumlah RM2,000 yang akhirnya diberikan potongan harga sehingga RM400.

Penguatkuasaan iklan yang menutup aurat ini telah mendapat reaksi positif dari pengunjung dari luar negeri Kelantan. Menurut Ujie Othman (2012), beliau tidak pernah menemui negeri yang mewajibkan semua papan iklan mesti ada tulisan jawi dan model wanita mesti menutup aurat. Ini adalah satu amalan yang sangat bagus kerana secara tidak langsung ia mendidik muslimah berpakaian menurut syarak dan masyarakat bukan islam pula lebih memahami islam daripada perspektif cara berpakaian. Menurutnya lagi, papan iklan sebegini juga mewujudkan suasana keislaman, sesuai dengan gelaran serambi mekah yang dibawa oleh Kelantan.

Keistimewaan undang-undang kecil ini yang membezakan negeri Kelantan dengan negeri lain adalah dengan mewajibkan model wanita menutup aurat, penggunaan tulisan jawi dan pemakaian batik Kelantan yang menjadi lambang ekonomi negeri Kelantan.

CADANGAN UNTUK PINDAAN DI MASA HADAPAN

Menteri Besar, Ustaz Datuk Ahmad Yakob berkata kerajaan negeri telah mencadangkan satu kajian khusus dilakukan oleh kerajaan tempatan untuk meminda Undang-Undang Kecil Taman Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) 1986 (<http://upknkelantan.com>). Kerajaan negeri Kelantan mencadangkan transfomasi undang-undang kecil di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dilakukan bagi bertujuan untuk mengawal dan mengurangkan masalah gejala sosial kalangan anak-anak muda. Pindaan undang-undang kecil itu bertujuan untuk menangani masalah anak muda yang berkeliaran di kawasan taman khususnya pada waktu Maghrib dan malam

hari. Ini adalah usaha pencegahan kerana buat masa ini, masalah sosial di Kelantan bukanlah menjadi masalah utama.

Cadangan pindaan ini selaras dengan penubuhan Jabatan Pembangunan Islam (JPI) di peringkat PBT di seluruh majlis daerah tahun 2018. Sedangkan sebelum ini JPI hanya diwujudkan di MPKB-BRI sahaja, tetapi mulai tahun 2016, ia mula diperluaskan ke seluruh PBT di Kelantan. Pihak kerajaan negeri berharap, dengan penubuhan JPI di seluruh negeri Kelantan dapat membuat kajian berkaitan undang-undang kecil tersebut bagi menangani gejala anak muda melepak di waktu Maghrib di taman-taman atau di persisiran pantai.

KESIMPULAN

Secara umumnya, pelaksanaan undang-undang kecil dan syarat pelesenan yang berasaskan islam telah berjaya mengawal kesusilaan dan membentuk keperibadian masyarakat Kelantan, khususnya dalam aspek sosio-ekonomi. Pakaian menutup aurat di kalangan masyarakat islam dan berpakaian sopan bagi masyarakat bukan islam memberikan imej yang baik kepada usaha yang telah dijalankan oleh MPKB-BRI dan kerajaan Kelantan amnya melalui penguatkuasaan pelaksanaan islam di dalam perundangannya. Ianya bukan sahaja membentuk peribadi masyarakat di Kelantan tetapi juga memberi imej yang baik bagi pelawat atau pelancong yang datang berkunjung ke negeri serambi mekah ini. MPKB-BRI berjaya menjadi perintis dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang kecil yang menekankan ajaran islam dan menjadi ikutan dan diteladani oleh kerajaan tempatan lain di Kelantan. Namun, sedikit kekangan yang di hadapi oleh MPKB-BRI adalah dari segi kekurangan kakitangan penguatkuasaan yang menyukarkan penguatkuasaan secara menyeluruh di tambah dengan kawasan pentadbiran yang luas serta jumlah premis perniagaan yang sentiasa bertambah.

RUJUKAN

- Phang Siew Nooi (1989), Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azhar Abdullah & Raihanah Abdullah (2010), “peruntukan undang-undang aurat dan pakaian sopan menurut bidang kuasa majlis perbandaran kota baru – bandar raya islam: satu huraian”, Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 2 (2010) 361-400
- <http://www.mpkbbri.gov.my/ms/mpk/profil/latar-belakang> akses pada 23 Februari 2018
- <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/denda-penjara-tidak-tutup-aurat-1.533799> akses pada 23 Februari 2018

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2012/11/26/kelantan-refuses-to-budge-from-unisex-hair-salon-ruling/> akses pada 23 Februari 2018

<http://upknkelantan.com/undang-undang-kawal-gejala-sosial-di-kelantan> akses pada 23 Februari 2018

<http://ujieothman.blogspot.my/2012/01/papan-iklan-di-kelantan.html> akses pada 23 Februari 2018